



## ETIKA JABATAN PERTANIAN

Memastikan integriti warga Jabatan Pertanian dapat ditingkatkan melalui pembudayaan etika kerja dan nilai-nilai murni


### 1. BUKU ETIKA JABATAN PERTANIAN

- ETIKA JABATAN PERTANIAN merupakan satu panduan kepada warga Jabatan Pertanian yang dibangunkan selaras dengan ETIKA PERKHIDMATAN AWAM. Etika ini menggariskan prinsip kenegaraan, etika kerja dan nilai-nilai murni yang perlu dihayati dan dibudayakan oleh warga Jabatan Pertanian dalam melaksanakan tugas dan menyampaikan perkhidmatan kepada golongan sasaran.
- Etika Jabatan Pertanian dibangunkan bertujuan untuk memastikan integriti warga Jabatan Pertanian dalam penyampaian perkhidmatan kepada pihak berkepentingan dapat ditingkatkan melalui pembudayaan etika kerja dan nilai-nilai murni.
- Etika kerja menggariskan tujuh (7) prinsip iaitu berintegriti, akauntabiliti, telus, mematuhi dan mendaulatkan undang-undang, mengamalkan budaya kerja yang mulia dan sempurna, mengamalkan ciri-ciri profesionalisme dan menjaga kerahsiaan.
- Nilai-nilai murni pula menggariskan empat (4) nilai teras (*cardinal virtues*) iaitu kebijaksanaan, keberanian, pemeliharaan diri dan keadilan serta 29 nilai kembangan yang perlu dibudayakan oleh warga Jabatan Pertanian.

Untuk maklumat lanjut, buku ini boleh didapati di :

[http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti\\_sumber/sumber\\_awam/penerbitan/buku/etika\\_doa.pdf](http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/penerbitan/buku/etika_doa.pdf)

### 2. KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM



- Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam.
- Bagi menjaga kebajikan penjawat awam wanita, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah tempoh cuti bersalin bergaji penuh daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk :

*Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017 JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld. 3 (16) bertarikh 13 Disember 2017*

### 3. PELAKSANAAN KEBENARAN PULANG AWAL SATU JAM KEPADA PEGAWAI WANITA MENGANJUNG



- Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam daripada masa bekerja biasa bagi pegawai wanita yang mengandung lima bulan dan ke atas serta dipanjangkan kepada suami yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi yang berdekatan.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk :

*Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2017 JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld.3 (22) bertarikh 22 Disember 2017*

### 4. TAHUKAH ANDA? MENGEMUKAKAN SIJIL CUTI SAKIT PALSU SATU KESALAHAN



- Mana-mana pegawai yang mengemukakan sijil cuti sakit palsu atau meminda cuti sakit adalah melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu pegawai yang tidak jujur atau tidak amanah dan tidak bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dijatuhi hukuman buang kerja.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk :

*Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 di <https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PA/pua3951993/>*